

PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA SABAH TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

**MOHD RAHIMI RAMLI, SARJIT S. GILL
& AHMAD TARMIZI TALIB**

ABSTRAK

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak pada April 2009 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum sebagai asas keharmonian dan keamanan negara. Namun untuk mencapai hasrat murni tersebut, kerjasama dan penyertaan masyarakat amat perlu terutama golongan belia yang merupakan generasi pewaris pemimpin negara pada masa akan datang. Tanggapan yang salah terhadap konsep Gagasan 1Malaysia pasti menghalang negara mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi dan penerimaan belia di Kota Kinabalu, Sabah terhadap Gagasan 1Malaysia. Responden kajian adalah seramai 391 orang yang berumur 18 hingga 40 tahun yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Cina, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra, lain (etnik-etnik minority), Melayu, Murut, India dan lain-lain. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap persepsi positif terhadap Gagasan 1Malaysia (90%). Sementara itu, tahap penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah sederhana (95.7%). Di samping itu, kajian juga mendapat terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kaum tentang persepsi belia terhadap Gagasan 1Malaysia manakala tiada perbezaan yang signifikan antara faktor kaum tentang penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia. Ternyata tahap penerimaan belia pada tahap kurang memuaskan dan boleh menjelaskan kejayaan Gagasan 1Malaysia yang dianggap sebagai wadah penyatupaduan nasional.

Kata Kunci: Persepsi, Penerimaan, Belia, Gagasan 1Malaysia

ABSTRACT

The 1Malaysia concept introduced by Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak in April 2009 aimed to strengthening national unity as the foundation of harmony and peace of the country. However, to achieve this, cooperation and participation of the community is essential, especially the youth who are the leaders in the future. The misconception towards 1Malaysia concept will hinder country in achieving success. Therefore, this study aimed to identify the perception and acceptance of youth in Kota Kinabalu, Sabah towards the 1Malaysia concept. Respondents were 391 people aged 18 to 40 years from different ethnic groups such as Chinese, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra, other (ethnic minorities), Malay, Murut, India and others. The findings showed that the majority of respondents have

a positive perception towards 1Malaysia concept (90 %). Meanwhile, the level of acceptance of youth against the 1Malaysia concept was moderate (95.7 %). Besides, the study also found that there are significant differences between the factors of youth perceptions of 1Malaysia while there are no significant differences between the factors of the acceptance of youth against the 1Malaysia concept. Obviously, the level of acceptance of youth is at satisfactory level and can affect the success of the 1Malaysia concept which is considered as a means of national integration.

Keywords: Perception, Adoption, Youth, 1Malaysia

PENGENALAN

Gagasan 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Tun Razak pada April 2009. Cetusan idea ini bertitik tolak dari persediaan negara mencapai Wawasan 2020, negara Malaysia memerlukan satu model pembangunan yang menyeimbangkan antara pembangunan fizikal dan pembangunan bangsa yang lebih bertamadun dalam konteks ‘bangsa negara yang maju’. Idea Gagasan 1Malaysia (G1M) bertepatan dengan keperluan negara yang tidak sampai sedekad sahaja lagi merealisasikan ‘status negara maju’ menjelang tahun 2020.

G1M adalah wadah pembangunan bangsa yang memberi penekanan terhadap pemupukan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang multi-etnik (Booklet 1Malaysia, 2010; Mustafa, 2010; Ku Hasnan, 2010; Haslinda & Zaid Ahmad, 2011; Noor Sulastri, 2010). Oleh itu, pembangunan belia yang menjadi aspek utama dalam pembangunan negara bagi menyediakan modal insan yang berkualiti dalam menyangut cabaran arus perdana telah mengambil kira soal masalah perpaduan antara kaum (Abdul Rahman (2009). Menurut Lee Yok Fee (2009), kepelbagian kaum di Malaysia menjadi cabaran dalam pembangunan bangsa, manakala G1M bukanlah idea baru namun ianya suatu idea yang meneruskan kesinambungan pembangunan bangsa yang diketengahkan oleh Mantan-mantan Perdana Menteri Malaysia (Kamaruddin, 2010).

Peristiwa 13 Mei, menjadi pengajaran kepada negara bahawa isu perpaduan bukanlah suatu yang remeh dan perlu diberi perhatian yang serius agar pembangunan yang dikehendaki tidak lenyap sekilip mata angkara kerapuhan ikatan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. G1M diperkenalkan bagi mengintegrasikan kaum di bawah paksi bangsa 1Malaysia.

Idea G1M didokong oleh teras-teras perpaduan, seperti mana konsep penerimaan sebagai pelengkap kepada konsep toleransi yang terkandung dalam ideologi Rukun Negara. Manakala keadilan sosial menjadi keutamaan sebagai kerangka asas pembangunan, namun G1M ini masih berasaskan prinsip kenegaraan dengan

menghormati kontrak sosial setiap hak kelompok masyarakat di Malaysia yang sedia ada dalam Perlembagaan Negara.

Namun, pada peringkat awal idea ini diketengahkan pelbagai persepsi dan tanggapan masyarakat terhadap G1M malah idea ini turut disamakan dengan '*Malaysian Malaysia*'. Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur (2010), menyatakan terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan '*Malaysian Malaysia*' yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew. Hal ini, merupakan sesuatu yang boleh mengelirukan dan menjadi suatu persoalan sejauhmana tanggapan dan penerimaan masyarakat terhadap G1M.

Di samping itu, Ku Hasnan (2010), beranggapan 1Malaysia ialah konsep memperkasakan kemampuan dan kebolehan setiap warganegara berfikir melepas sempadan kaum masing-masing. Hal ini bermakna rakyat Malaysia harus mengambil tahu dan mengambil berat akan nasib kaum-kaum yang lain dan bukan hanya memikirkan kepentingan kaum sendiri sahaja. Definisi ini turut mengaitkan tanggungjawab kepimpinan negara, di mana para pemimpin perlu melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak rakyat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Idea G1M merupakan idea membina satu bangsa yang bersatu padu di bawah satu paksi 'Bangsa 1Malaysia' namun cabaran untuk merealisasikan agenda pembangunan ini bukanlah suatu perkara yang sangat mudah. Setiap aspek perlu dipadankan dengan peruntukan hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan. Konsep penerimaan sebagai asas pemupukan integrasi kaum yang diketengahkan dalam G1M tidak akan tercapai sekiranya masyarakat tidak menerima dan beranggapan negatif terhadap G1M.

Menurut Mustafa Ishak (2010), setiap model yang dipraktikkan di Malaysia berasaskan prinsip kontrak sosial pra-merdeka yang menjadi prinsip fundamental perlu dihormati oleh semua etnik. Sebarang bentuk tentangan dari mana-mana pihak bagi menggugat prinsip kontrak sosial tersebut akan mendapat tentangan malah dianggap sebagai satu 'penderhakaan' ke atas prinsip asas penubuhan negara Malaysia yang menerima konsep kepelbagaian budaya dan etnik dalam masyarakat majmuk.

Pemupukan semangat perpaduan yang diusahakan melalui G1M tidak akan berkesan sekiranya ketidakfahaman sesuatu kaum terhadap budaya dan adat resam sesuatu kaum yang lain, proses sosiolisasi antara kaum yang terhad, suasana politik dalam negara yang berasaskan kaum, dan cabaran mentaliti, iaitu tanggapan (termasuk tingkah laku) yang tidak tepat atau salah terhadap sesuatu kaum seperti stereotaip, prasangka (prejudis), diskriminasi dan etnosentrisme (Shaharuddin *et al.*, 2010).

Kajian Tarmizi *et al.*, (2012) mengenai tahap pemahaman, persepsi dan penglibatan belia terhadap G1M mendapati bahawa tahap pemahaman belia di Semenanjung adalah sederhana manakala persepsi belia pula berada pada tahap yang tinggi. Namun kajian ini turut mengkaji tahap penglibatan belia Semenanjung dalam program anjuran G1M dan mendapati tahap penglibatan berada pada tahap rendah. Hasil tinjauan, pola dapatan ini dipengaruhi oleh kekaburuan masyarakat terhadap matlamat dan kepentingan G1M.

Sementara itu, Mohd Fuad dan Junaidi (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa 73.1 peratus dalam kalangan belia menyokong hasrat kerajaan dalam memperkuuhkan agenda pembangunan belia negara. Manakala 71.0 peratus belia menyokong dan menghayati G1M: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Majoriti responden mengambil kira sama ada keperluan mereka dipenuhi atau tidak dari semua aspek terutama aspek ekonomi dan sosial serta kerohanian dan kebebasan bersuara dan berpolitik.

Namun, dapatan kajian sebelum ini jelas berbeza dengan Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur (2010), terdapat tanggapan awal dalam blog dan media massa yang menyamakan G1M dengan ‘*Malaysian Malaysia*’ yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian secara tinjauan iaitu pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik dipilih sebagai metodologi kajian. Seramai 391 responden yang berumur 18 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak sampel kajian. Responden terdiri daripada pelbagai kaum seperti Cina, Bajau, Kadazan Dusun, Bumiputra lain (kaum-kaum minoriti), Melayu, Murut, India dan lain-lain. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah berstrata digunakan sebagai teknik pensampelan. Saiz sampel diambil daripada populasi belia di Kota Kinabalu dan merujuk kepada kaedah penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1960), dengan memilih seramai 391 orang sebagai responden. Hasil kajian tertumpu kepada 2 aspek utama, iaitu persepsi dan penerimaan belia. Selain itu, analisis ujian *One Way ANOVA* digunakan untuk menentukan perbezaan persepsi dan tahap penerimaan belia terhadap Gagasan 1Malaysia mengikut jenis kaum yang terdapat di negeri Sabah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada 4 peringkat, iaitu 59.3 peratus yang berumur 18 hingga 23 tahun, 24.0 peratus responden pula terdiri antara 24 hingga 29 tahun. Manakala responden yang berumur di antara 30 hingga 35 tahun menyumbang sebanyak 11.8 peratus dan 4.9 peratus responden sahaja berumur

di antara 36 hingga 40 tahun terpilih menjadi sampel. Taburan jantina, majoriti responden terdiri daripada responden perempuan, iaitu 57.5 peratus dan dikuti 42.5 peratus sahaja. Taburan dari segi kaum, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah kaum Cina yang menyumbang sebanyak 30.5 peratus responden. Sementara itu, kaum Bajau merupakan kaum kedua terbesar dalam populasi dan kaum ini terdiri daripada 20.7 peratus terpilih sebagai sampel kajian. Kaum Kadazan Dusun adalah kaum ketiga terbesar, dan telah menyumbang sebanyak 20.5 peratus terhadap sampel kajian. Manakala bagi Bumiputra lain 18.7 peratus terpilih sebagai sampel. Selain itu, 11.5 peratus responden dari kaum Melayu turut menyumbang kepada saiz sampel kajian. Selebihnya, sampel terdiri daripada kaum Murut dan India dan masing-masing terdiri daripada 4 orang atau 1.0 peratus. Taburan mengikut agama majoritinya terdiri daripada pengikut Islam, iaitu 50.9 peratus, diikuti dengan Kristian 33.2 peratus, Buddha 15.3 peratus dan agama lain 5 peratus manakala tahap pendidikan sebahagian besar terdiri daripada pendidikan yang tinggi, iaitu peringkat SPM 30.7 peratus, STPM 15.9 peratus, Diploma 19.4 peratus, Bacelor 19.2 peratus, PMR 6.6 peratus, UPSR 2.6 peratus dan lain-lain sebanyak 4.3 peratus.

Jadual 1: Taburan Keseluruhan Demografi Responden Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Item	(n)	Peratusan (%)
Umur		
18 – 23	232	59.3
24 – 29	94	24.0
30 – 35	46	11.8
36 - 40	19	4.9
Jantina		
Lelaki	166	42.5
Perempuan	225	57.5
Kaum		
Cina	104	26.6
Bajau	81	20.7
Kadazan Dusun	80	20.5
Bumiputra Lain	68	17.4
Melayu	43	11.0
Murut	4	1.0
India	4	1.0
Lain-lain	7	1.8
Agama		
Islam	199	50.9
Kristian	130	33.2

Item	(n)	Peratusan (%)
Buddha	60	15.3
Lain-lain	2	5.0
Tahap Pendidikan Tertinggi		
UPSR	10	2.6
PMR	26	6.6
SPM	120	30.7
STPM	62	15.9
DIPLOMA	76	19.4
BACELOR	75	19.2
MASTER	5	1.3
Lain-lain	17	4.3

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden belia mempunyai tahap persepsi positif (skor 31 hingga 50) adalah sebanyak 90.0 peratus dengan kekerapan 352 responden manakala skor negatif (skor 10 hingga 30) hanyalah sebanyak 10.0 peratus dengan kekerapan 39 responden sahaja.

Dapatkan ini, bertepatan dengan kajian Tarmizi *et al.*, (2012) yang mendapati majoriti responden berada pada tahap yang tinggi. Persepsi yang positif terhadap G1M membolehkan idea ini dihayati sepenuhnya dan nilai yang terkandung dalam G1M akan dapat diterima dan dihayati. Sekiranya persepsi yang negatif, akan membantutkan pembangunan bangsa mengikut acuan G1M.

Jadual 2: Tahap Persepsi Belia Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Tahap	n	Peratusan
Positif	352	90.0 %
Negatif	39	10.0 %
Jumlah	391	100.0 %

Jadual 3, menunjukkan hasil kajian tahap skor penerimaan belia yang tinggi (skor 38 hingga 50) hanya sebanyak 3.6 peratus dengan kekerapan 14 responden. Sementara itu, skor sederhana (24 hingga 37) adalah sebanyak 95.7 peratus dengan kekerapan 374 responden manakala skor rendah (skor 10 hingga 23) adalah sebanyak 0.8 peratus dengan kekerapan 3 responden sahaja.

**Jadual 3: Tahap Penerimaan Belia di Kota Kinabalu, Sabah
Terhadap Gagasan 1Malaysia**

Tahap	n	Peratusan
Tinggi	14	3.6 %
Sederhana	374	95.7 %
Rendah	3	0.8 %
Jumlah	391	100 %

Hasil dapatan ini, berbeza dengan kenyataan kajian daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang mendapat 86.4 peratus menerima G1M semasa siding Dewan Rakyat. Kajian ini diperoleh berdasarkan kaji selidik terhadap 30,077 responden meliputi masyarakat pelbagai kaum yang dijalankan pada tahun 2012. Produk yang berasaskan 1Malaysia adalah faktor penerimaan rakyat Malaysia terhadap G1M (Berita Harian, 2013).

Penerimaan belia terhadap G1M penting sebagai asas pembentukan semangat perpaduan yang lebih utuh dengan mengambil pendekatan penerimaan sebagai ikatan semangat perpaduan. Seperti mana Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengajak rakyat berpindah dari konsep toleransi kaum kepada konsep penerimaan kaum bagi memantapkan lagi perpaduan di Malaysia. Namun, hal ini tidak bermakna dan tidak akan dicapai sekiranya rakyat tidak berganjak daripada penerimaan untuk menghapuskan tembok pemisah antara berbilang kaum (Utusan Malaysia, 2011).

**Jadual 4: Perbezaan Persepsi Belia Mengikut Kaum di
Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia**

Dimensi	Min	SP	F	P
Persepsi			2.719	.009
Cina	35.1635	4.00512		
Bajau	36.1852	5.48888		
Kadazan Dusun	35.6500	4.78685		
Bumiputra lain	37.6912	5.49968		
Melayu	35.1395	3.93750		
Murut	39.0000	4.89898		
India	33.2500	2.21736		
Lain-lain	33.0000	4.93288		

Berdasarkan kaedah penentuan analisis ANOVA, jika nilai signifikan atas atau lebih besar daripada 0.05, maka tiada perbezaan antara kumpulan tersebut. Jika sebaliknya, nilai signifikan yang diperolehi bawah atau lebih kecil daripada 0.05,

maka terdapat perbezaan antara kumpulan tersebut. Berdasarkan Jadual 4 mengenai perbezaan persepsi berdasarkan kaum, hasil analisis ANOVA mendapati nilai signifikannya, ialah 0.009 dan nilai signifikan ini lebih kecil daripada nilai *alpha* 0.05 membuktikan bahawa wujud perbezaan persepsi antara responden berdasarkan jenis kaum. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang persepsi antara responden mengikut jenis kaum terhadap G1M.

Jadual 5: Perbezaan Penerimaan Mengikut Belia Mengikut Kaum di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia

Dimensi	Min	SP	F	P
Penerimaan			1.099	.363
Cina	31.6346	2.80103		
Bajau	31.6914	2.79572		
Kadazan Dusun	31.6500	2.40832		
Bumiputra lain	32.3235	3.32535		
Melayu	31.0930	2.32803		
Murut	32.5000	4.04145		
India	32.2500	4.85627		
Lain-lain	30.2857	2.62769		

Jadual di atas menunjukkan hasil nilai signifikan ANOVA bagi penerimaan ialah 0.363. Hasil analisis ANOVA mengenai perbezaan penglibatan mengikut kaum memperolehi nilai signifikan 0.363 dan nilai signifikan ini lebih besar daripada nilai *alpha* 0.05 membuktikan bahawa tiada perbezaan tahap penerimaan antara responden mengikut kaum. Justeru, tiada perbezaan yang signifikan tentang penerimaan antara responden mengikut jenis kaum terhadap G1M.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mendapati persepsi belia terhadap G1M berada pada tahap yang memuaskan. Ini menggambarkan peranan semua pihak yang telah berusaha untuk memberi gambaran yang lebih baik mengenai G1M telah berjaya mengubah pandangan awal masyarakat terutama para belia yang sebelum ini masih ragu-ragu terhadap idea baru ini. Namun tahap penerimaan masih berada pada tahap sederhana. Hasil analisis berdasarkan maklumat daripada kerja lapangan penulis, sebahagian besar responden kurang menerima G1M adalah kerana pelaksanaan G1M masih belum menampakkan perubahan yang ketara dari sudut keseluruhan pencapaian mengikut matlamat dan visi G1M ini. Oleh itu, dapatan ini menjadi cabaran kepada pihak berwajib sama-sama lebih berusaha agar G1M ini tidak dilihat cantik pada visinya namun hakikat pelaksanaannya tidak memberi erti dan bermanfaat manfaat di mata masyarakat yang menjadi hakim kepada badan pemerintah.

Manakala hasil dapatan juga mendapat terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara jenis kaum di Sabah. Ini menunjukkan maklumat mengenai G1M yang diterima oleh setiap setiap kaum tidak seimbang dan membolehkan timbulnya persepsi yang berbeza di antara kaum tersebut. Namun perbandingan tahap penerimaan antara jenis kaum, mendapat tiada perbezaan yang signifikan. Jelas dapatan ini mendapat semua kaum menerima G1M secara sederhana sahaja.

Justeru, majoriti belia setiap kaum perlu berperanan aktif untuk mendapat maklumat yang lebih banyak dan tepat agar tidak tercicir dari arus pembangunan terkini. Belia juga harus terlibat dalam setiap perancangan program agar setiap program pembangunan yang dianjurkan tidak hanya sekadar memenuhi ruang kekosongan tanpa memenuhi tuntutan keperluan golongan sasar. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai pelengkap ruang kekurangan kajian di Sabah mengenai G1M dan menjadi petanda aras kepada pembangunan belia dan kejayaan G1M di negeri itu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2009. Kepelbagaiannya Kaum, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 196-211. Putrajaya: JPNIN & USM.
- A.T.Talib, Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Zaid Ahmad, & Ayuni Isa. 2012. Kefahaman, Persepsi, dan Penglibatan Golongan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia. *Seminar Kepimpinan Dan Dasar Najib*, Universiti Teknologi Mara Sabah (UiTM).13-15 September 2012.
- Berita Harian, 26 Jun 2013. Penerimaan rakyat terhadap konsep Gagasan 1Malaysia capai 86.4 peratus: Ahmad Shabery.
- Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. 2011. Hubungan Keluarga dan Kesedaran Agama dalam Kalangan Belia Berisiko Pelbagai Kaum di Malaysia. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzuhailmi Dahalan (pnyt.) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 39-49. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamaruddin Mohd. Said. 2010. Slogan 1Malaysia Dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 17-34.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size For Research Activities Educational And Psychological Measurement*, Vol. 30: 607-610.
- Ku Hasnan Ku Halim. 2010. *Meniti Gagasan 1Malaysia, Pemikir*, Vol. 62. Oktober-Disember 2010, Bangi : Utusan Karya Sdn. Bhd.

- Lee Yok Fee. 2009. Memahami Proses Membina Bangsa Malaysia: Satu Perspektif Sosiologi. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 254-270. Putrajaya: JPNIN & USM.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (2). pp. 67-76. ISSN 2180-2491
- Mohamed Mustafa Ishak. 2010. Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 35-51.
- Noor Sulastri, Y.A. 2010. 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 76-91.
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 104-116.
- Shaharuddin Baharuddin, Azman Ayob & Mazlan Che Soh. 2010. Belia dan 1Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 52-75.
- Utusan Malaysia, 28 Julai 2011. PM ajak rakyat pindah kepada konsep penerimaan kaum.

Profil Penulis:

*Mohd Rahimi Ramli, Msc
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
rahimiramli44@gmail.com*

*Sarjit S. Gill, PhD
Ketua Jabatan/ Profesor Madya
Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
sarjit@upm.edu.my
Tel: +60389467062*

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Ketua Jabatan/ Profesor Madya

Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor

43400, Malaysia.

tarmizi@upm.edu.my

Tel: +60389467141